

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.5( )

**MINIT MESYUARAT PENUH  
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA  
BIL. 2 TAHUN 2024**

**Tarikh** : 26 Februari 2024 (Isnin)  
**Masa** : 2.30 petang – 3.45 petang  
**Tempat** : Laman Kenanga, Aras 1  
Bangunan MBSJ  
**Kehadiran** : Seperti di Lampiran A

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Syed Fadleindra bin Syed Alias, Pengacara Majlis.

**2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN FEBRUARI 2024**

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Februari 2024 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

### 3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya yang kedua bagi tahun 2024. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti berikut :

- i) Datuk Bandar berkongsi amanat yang disampaikan oleh Pemimpin Kerajaan. YAB Perdana Menteri telah menyampaikan amanat dalam perjumpaan bersama warga Jabatan Perdana Menteri pada 5 Februari 2024, Isnin bertempat di Dewan De' Seri Endon, Puspanitapuri, Putrajaya.

YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim mengulangi peringatan kepada penjawat awam berhubung kepentingan memerangi rasuah di Malaysia yang mana perlu bermula dengan tatakelola yang baik. Beliau turut menyeru penjawat awam untuk memberikan kerjasama sepenuhnya dalam menyokong tekad dan semangat baharu Kerajaan MADANI dalam menyelamatkan negara daripada pelbagai salah guna kuasa dan pemunggahan kekayaan.

Tekad ini dianjurkan untuk menambahkan kembali keyakinan rakyat, meningkatkan hasil negara dan seterusnya mengembalikan pulangan kepada rakyat, menoktahkan kemiskinan serta memberikan pendidikan yang bermutu kepada anak-anak tanpa mengira kaum, bangsa dan agama.

- ii) Seterusnya Datuk Bandar juga turut berkongsi amanat Ketua Setiausaha Negara yang disampaikan dalam Majlis Amanat KSN kepada penjawat awam yang bertajuk 'Kitalah Benteng Malaysia' pada 13 Februari 2024, Selasa bertempat di Dewan De' Seri Endon, Puspanitapuri, Putrajaya.

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, merakamkan penghargaan kepada seluruh pasukan perkhidmatan awam atas komitmen yang tinggi dalam berusaha mencapai ekspektasi yang diharapkan. Antara intipati penting saranan KSN, agar semua penjawat awam meningkatkan kecekapan dan profesionalisme dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan yang telus, pantas dan mencapai keberhasilan yang ditetapkan.

Penjawat awam diseru untuk sentiasa menerajui perubahan berterusan yang menyasarkan pengurangan ketirisan, peningkatan hasil, pengoptimuman sumber sedia ada tanpa pembaziran, pendigitalan penyampaian perkhidmatan dan promosi perkhidmatan secara strategik dan kreatif. Ini adalah sejajar dengan prinsip-prinsip keadilan sosial dan kesaksamaan yang menjadi tonggak Kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat.

Satu kaedah bagi penilaian prestasi khusus kepada Ketua Jabatan akan dilaksanakan menggunakan sistem *Demerit Performance*

*Evaluation* (DEEP). Melalui sistem DEEP, kaedah penilaian bermula dengan mata 100 peratus untuk setiap Ketua Jabatan dan demerit dikenakan sekiranya Ketua Jabatan gagal mencapai petunjuk prestasi utama (KPI) atau gagal melaksanakan tugas yang telah ditetapkan. Kaedah ini bertujuan untuk memastikan penilaian yang relevan dibuat berdasarkan keupayaan dan kesungguhan pegawai melaksanakan tugas yang diberikan. Penilaian yang tepat dan adil adalah mustahak kerana akan memberikan impak kepada perkhidmatan awam di Malaysia.

Malaysia akan menjadi sebuah negara yang hebat dan makmur seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI sekiranya perkhidmatan awam Negara teguh berdiri atas prinsip tatekelola serta bertindak berdasarkan etos (budaya) dan nilai perkhidmatan yang baik.

- iii) Datuk Bandar memaklumkan berkenaan Majlis Perasmian Karnival Bazar Ramadan yang akan diadakan pada 28 Februari 2024 hari Rabu jam 9.00 pagi bertempat di Dewan Serbaguna MBSJ, Puchong Indah. Semua Ahli Majlis dijemput untuk hadir bagi memeriahkan serta menjayakan program ini.

Karnival dan Taklimat Bazar Ramadan MBSJ tahun 2024 akan diadakan selama 3 hari mengikut zon bermula 27 hingga 29 Februari 2024.

Jadual mengikut zon seperti berikut :

Tarikh	Zon
27 Februari 2024 (Selasa)	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Subang Jaya</li><li>▪ Kinrara</li></ul>
28 Februari 2024 (Rabu)	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Puchong</li><li>▪ Putra Heights</li></ul>
29 Februari 2024 (Khamis)	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Serdang</li><li>▪ Seri Kembangan</li></ul>

Objektif utama MBSJ mengadakan program ini adalah untuk :

- i. Mengingatkan semula syarat-syarat dan peraturan yang perlu dipatuhi oleh setiap peniaga Bazar Ramadan terutama tentang pematuhan SOP seperti mana yang telah ditetapkan oleh pihak MBSJ dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
- ii. Selain daripada itu, MBSJ turut menekankan tentang pematuhan kepada peraturan, pengendalian makanan terbaik dan efektif bagi mengelakkan isu keracunan makanan, amalan kitar semula, pengurusan sisa dan penggunaan sumber yang cekap serta amalan terbaik ke arah usahawan yang berjaya sepanjang menjalankan perniagaan di bulan Ramadan.

Seramai 20 rakan sinergi akan turut serta bagi menjayakan Karnival dan Taklimat Bazar Ramadan MBSJ pada tahun 2024.

- iv) Datuk Bandar memaklumkan bahawa, Majlis Bandaraya Subang Jaya akan menganjurkan Majlis Sambutan Tahun Baru Cina MBSJ 2024 pada 1 Mac 2024 hari Jumaat bertempat di Tapak Pasar Pagi MBSJ, Jalan TK 3/17, Taman Kinrara, Puchong bermula jam 8.00 malam hingga 10.30 malam.

Majlis ini akan disempurnakan oleh YB Tuan Ng Sze Han, EXCO Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti Selangor merangkap Ahli Dewan Negeri Kinrara bersama Datuk Bandar MBSJ. Majlis ini akan diserikan dengan persembahan istimewa tarian singa serta penyampaian sumbangan dan '*angpow*' kepada warga emas dan komuniti B40.

- v) Datuk Bandar memaklumkan bahawa Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MBSJ 2023 akan diadakan pada 8 Mac 2024, Hari Jumaat bertempat di Grand Ballroom, The Summit Hotel Subang USJ bermula pada jam 8.00 malam hingga 11.00 malam.

Seramai 116 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2023, 16 pesara wajib / pilihan, 11 penerima Anugerah Khas bagi sukan dan kebudayaan serta 1 penerima Anugerah Khas Datuk Bandar bakal diraikan atas sumbangan, dedikasi dan khidmat bakti cemerlang yang telah diberikan kepada organisasi.

- vi) Datuk Bandar turut memaklumkan MBSJ akan menganjurkan Kejohanan *Ultimate Frisbee Hat* bawah 24 Tahun dengan

kerjasama Pejabat ADUN Subang Jaya, Ultiasia dan Damansara Rockets Sports Club pada 2 dan 3 Mac 2024 hari Sabtu dan Ahad, jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang bertempat di Stadium 3K Subang Jaya.

Dua kategori akan dipertandingkan iaitu kategori lelaki dan wanita dengan penyertaan adalah secara individu. Peserta perlu berumur di bawah 24 tahun dan maksimum penyertaan adalah seramai 150 orang lelaki dan 120 orang wanita.

- vii) Datuk Bandar juga berkongsi maklumat berkenaan Program mengimarahkan bulan Ramadan MBSJ. Bulan Ramadan merupakan bulan santunan yang penuh keberkatan dan manfaat dalam melipat gandakan amalan bersedekah serta membantu golongan yang memerlukan. MBSJ melaksanakan pendekatan '*No One Left Behind*' bagi memastikan tiada golongan yang tercicir daripada menerima bantuan khususnya di kawasan perkampungan di bawah pentadbiran MBSJ.

Program mengimarahkan bulan Ramadan akan dilaksanakan oleh Majlis Perwakilan Penduduk di semua zon MPP MBSJ sepanjang bulan Ramadan tahun ini. Antara program yang akan dilaksanakan adalah Program Tadarus Al-Quran, gotong royong memasak makanan tradisi dan berbuka puasa serta sumbangan makanan kepada golongan yang memerlukan dan anak yatim di kawasan MPP berkenaan.

- viii) Datuk Bandar berkongsi kejayaan MBSJ dalam Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) yang merupakan satu anugerah yang memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada sektor awam dan swasta yang menzahirkan komitmen dalam pembudayaan dan pengamalan integriti dan tata kelola terbaik serta inisiatif anti rasuah dalam organisasi.

MBSJ telah menyertai Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) sebanyak 2 kali bermula tahun 2022. Bagi tahun 2023, sebanyak 154 organisasi telah menyertai anugerah ini. MBSJ telah di senarai pendek sebagai 20 agensi terbaik dan berjaya merangkul Anugerah Emas. Majlis Penganugerahan akan berlangsung pada 29 Februari 2024 bertempat di Dewan Sri Siantan Perbadanan Putrajaya. Syabas kepada semua kakitangan MBSJ yang telah bertungkus lumus memastikan MBSJ mendapat Anugerah Emas.

- ix) Datuk Bandar juga memaklumkan mengenai situasi semasa demam denggi di MBSJ. Kes demam denggi di kawasan Majlis Bandaraya Subang Jaya pada minggu epid ke-7 bagi tahun 2024 mencatatkan kumulatif kes sebanyak 1,993 kes berbanding tahun 2023 di minggu epid yang sama iaitu sebanyak 1,587 kes. Ini menunjukkan peningkatan kes sebanyak 20%.

Kawasan hotspot denggi adalah sebanyak 39 lokaliti wabak. Bagi kawalan yang dijalankan sehingga minggu epid ke-7, sebanyak



151 pemeriksaan tempat pembiakan, 212 semburan ruang thermal dan ULV serta 118 larvasiding telah dijalankan.

Penduduk diminta menjalankan kempen 10 minit seminggu sekali mencari dan memusnahkan tempat pembiakan bagi memastikan tiada takungan air yang boleh menjadi punca pembiakan Aedes. Selain itu, pihak komuniti turut digalakkan menjalankan aktiviti gotong royong bagi memusnahkan tempat pembiakan Aedes. Sekiranya terdapat gejala demam denggi, penduduk dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan segera di klinik-klinik dan hospital terdekat.

- x) Datuk Bandar mewakili seluruh warga kerja MBSJ juga mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Menyambut bulan Ramadan al- Mubarak yang akan tiba 15 hari lagi.

Allah S.W.T. menyebut di dalam Al-Quran, ibadat puasa diwajibkan ke atas umat Islam agar kita semua bertakwa kepada-Nya. Firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 183 yang bermaksud : 'Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa.'

Bulan Ramadan merupakan bulan yang mulia bagi umat Islam. Di awalnya rahmat, pertengahannya keampunan dan akhirnya pelepasan dari azab neraka. Dengan kata lain, Ramadan adalah satu bulan di mana kita berjihad melawan hawa nafsu, menyucikan

jiwa dan mengharapkan keredhaan Allah. Di hujung Ramadan, kita bebas daripada dosa dan meraikan kemenangan.

Ramadan juga merupakan bulan untuk umat Islam meningkatkan amalan serta bermuhasabah diri dengan menginsafi penderitaan yang dialami oleh umat Islam khususnya di negara-negara yang sedang bergolak. Akhir kata saya mengucapkan Selamat Menjalani Ibadah Puasa kepada seluruh umat Islam. Hidupkan bulan Ramadan dengan amalan-amalan mulia dan jauhi sengketa sesama kita serta semoga amalan kita diterima Allah S.W.T.

#### **4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 1/2024**

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2024 bertarikh 31 Januari 2024 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

#### **5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 11/2024**

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2024 bertarikh 31 Januari 2024 (Rabu) disahkan dengan cadangan berikut :

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Cadangan</b>
1.	Para 6.6 & m/s 1	Datuk Bandar	Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan	Beliau mencadangkan supaya bengkel pada tahun 2024 dilaksanakan dengan memberi

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Cadangan</b>
			Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya bil.12/2023 bertarikh 14 Disember 2023	fokus utama kepada perkara berikut: i) Kaedah mengatasi isu populasi anjing liar; dan ii) Isu tangkapan anjing liar. <b>Tindakan : Jabatan Kesihatan</b>

## **6.0 PENGESAHAN KEPUTUSAN DAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA**

### **6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2024 bertarikh 5 Februari 2024**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

### **6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan Dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2024 bertarikh 30 Januari 2024**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)  
Perancangan Dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang  
Jaya Bil. 3/2024 bertarikh 14 Februari 2024**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur,  
Pengangkutan Dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya  
Subang Jaya Bil. 1/2024 bertarikh 6 Februari 2024**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar  
Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2024 bertarikh  
7 Februari 2024**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan Dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2024 Bertarikh 7 Februari 2024**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2024 Bertarikh 8 Februari 2024**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2024 Bertarikh 14 Februari 2024**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2024 Bertarikh 16 Februari 2024**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.10 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Bil. 1/2024 Bertarikh 19 Februari 2024**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**7.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT/KERTAS MAKLUMAN**

**7.1 Kertas Cadangan Permohonan Penukaran Keahlian Jawatankuasa Mesyuarat Bagi Ahli Majlis Parti DAP, Majlis Bandaraya Subang Jaya (Kertas Mesyuarat Bil. 1/2/2024)**

Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan dibentangkan oleh Encik Ismail bin Salim, Pengarah Khidmat Pengurusan MBSJ.

**Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima kertas cadangan permohonan penukaran keahlian Jawatankuasa Mesyuarat bagi Ahli Majlis Parti DAP, Majlis Bandaraya Subang Jaya seperti berikut :

<b>BIL</b>	<b>AHLI MAJLIS</b>	<b>GUGUR JAWATANKUASA ASAL</b>	<b>JAWATANKUASA BAHARU</b>
1.	Puan Ng Seow Chen	Jawatankuasa Perancangan Bandar	Jawatankuasa Kewangan
2.	Puan Suzanah Hanim Wong	Jawatankuasa Kewangan	Jawatankuasa Perancangan Bandar
3.	Encik Thong Kim Fatt	Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat	Jawatankuasa Kewangan
4.	Encik Tey Han Cherk	Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat	Jawatankuasa Kemasyarakatan
5.	Encik Thomas Low Yew Sin	-	Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat

**Tindakan :**  
**Jabatan Khidmat Pengurusan**

## **7.2 Kertas Cadangan Permohonan Penanggungungan Kerja, Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSJ Zon 6 (Kertas Mesyuarat Bil. 2/2/2024)**

Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan dibentangkan oleh Encik Ismail bin Salim, Pengarah Khidmat Pengurusan MBSJ.

### **Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima kertas cadangan permohonan penanggungungan kerja Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSJ Zon 6.

Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy daripada Parti PKR akan menanggung tugas sebagai Pengerusi MPP Zon 6 sehingga satu kekosongan Ahli Majlis diisi. MPP Zon 6 adalah di bawah DUN Kota Kemuning meliputi kawasan USJ 23 sehingga USJ 27.

Penanggungungan ini berkuatkuasa 1 Mac 2024. Elaun tanggung kerja adalah sebanyak RM 625.00 sebulan menggunakan Vot 12118 : Elaun Ahli Majlis.

**Tindakan :**

**Jabatan Khidmat Pengurusan**

## **8.0 UCAPAN PENANGGUHAN**

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Puan Lee Jen Uyin, wakil daripada Parti DAP.



## 9.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 3.45 petang.

Tarikh Disediakan : 27 Februari 2024

**" #KITASELANGOR MAJU BERSAMA "**

**" MALAYSIA MADANI "**

**" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "**

Disediakan oleh;




**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), S.M.S, A.M.N**

Timbalan Datuk Bandar

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

Disahkan oleh;



**(DATO' HJ. MOHD FAUZI BIN HJ. MOHD YATIM), D.S.I.S, S.M.S**

Datuk Bandar

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

## LAMPIRAN

### HADIR

1. YBhg. Dato' Hj. Mohd Fauzi Bin Hj. Mohd Yatim, D.S.I.S, S.M.S- Pengerusi  
Datuk Bandar
2. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, S.M.S., A.M.N. - Setiausaha  
Timbalan Datuk Bandar Mesyuarat

### HADIR (AHLI MAJLIS)

3. Puan Lee Jen Uyin - Ahli Majlis
4. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu
5. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim - "
6. Encik Chia Yew Ken - "
7. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - "
8. Encik Thomas Low Yew Sin - "
9. Encik Thamilarusu a/l Sandayan - "
10. Puan Ng Seow Chen - "
11. Encik Thong Kim Fatt - "
12. Encik Mohd Tarmizi bin Lazim - "
13. Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin - "

- |     |                                   |   |   |
|-----|-----------------------------------|---|---|
| 14. | Tuan Ir. Balachandran Naicker     | - | " |
| 15. | Encik Tey Han Cherk               | - | " |
| 16. | Puan Suzanah Hanim Wong           | - | " |
| 17. | Encik Tey Boon Kiat               | - | " |
| 18. | Puan Sarawati binti Mukhtar       | - | " |
| 19. | Encik Pravin a/l Murali           | - | " |
| 20. | Encik Tah Yap Keong               | - | " |
| 21. | Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy | - | " |
| 22. | Puan Gunasunthari a/p Kanniappan  | - | " |
| 23. | Encik Muhammad Fauzan bin Rosli   | - | " |
| 24. | Encik Khairol Basri bin M.Arif    | - | " |
| 25. | Encik Saidin bin Awang            | - | " |

**(PEGAWAI MBSJ)**

- |     |   |
|-----|---|
| 26. | Encik Muhammad Zaki bin Yusoff<br>Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan                          |
| 27. | Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, P.P.T.<br>Pengarah, Jabatan Undang-Undang                 |
| 28. | Puan Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM<br>Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta |

29. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Bangunan
30. Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
31. Puan Nik Zalina binti Megat Muda, Ceo  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
32. Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.P.C., P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Hasil
33. Puan Ts.Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
34. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
35. Tuan Sr. Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
36. Puan Sarina binti Saad  
Pengarah, Jabatan OSC
37. Tuan Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin  
Pengarah, Jabatan COB
38. Encik Shahrul Fadli bin Abdu Rashid  
Pengarah, Unit Audit Dalam
39. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh  
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
40. Tuan TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
41. Tuan Ir. Dr Hj. Mohd Ariffuddin bin Hj. Kamari  
Timbalan Pengarah, Jabatan Kejuruteraan

42. Puan Dr. Nurnawwar binti Arpaai  
Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan
43. Tuan Hj. Mohd Haizi bin Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
44. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
45. Puan Nur Maini binti Ariffin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
46. Encik Mohd Herman bin Musanip  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Unit Integriti

#### **URUSETIA**

47. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
48. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
49. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan

#### **TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

50. Tuan Hj. Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan